

**KELESTARIAN PERNIAGAAN NANAS; KAJIAN KES  
MELIBATKAN PESERTA PROJEK PERLADANGAN  
KONTRAK DI KLUANG DAN PONTIAN, JOHOR**

**HAIRATUN NASIHIN BINTI HAIRUDDIN**

**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PERTANIAN  
DENGAN KEPUJIAN**

**PROGRAM HORTIKULTUR DAN LANDSKAP  
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2014**

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL: KELESTARIAN PERNIAGAAN NANAS; KAJIAN KES MELIBATKAN PESERTA PROJEK PERLADANGAN KONTRAK DI KLUANG DAN PONTIAN, JOHOR.

IJAZAH: IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PERTANIAN DENGAN KEPUTIAN (HORTIKULTUR DAN LANDSKAP)

SAYA: HAIRATUN NASIHIN BINTI HAIRUDDIN SESI PENGAJIAN: 2010 - 2014  
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis \*(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

**PERPUSTAKAAN****UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

NORAZLYNNE MOHD. JOHAN @ JACKLYNE

PUSTAKAWAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)


  
(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: NO-35, JALAN 3/2,  
TAMAN SRI KLUANG,  
86000 KLUANG,  
JOHOR DARUL TAQIM

TARIKH: 17 JANUARI 2014

DR. BONAVENTURE BONIFACE

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: 17 JANUARI 2014

## Catatan:

- \*Potong yang tidak berkenaan.
- \*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
- \*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



## **PENGAKUAN**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap- tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa disertasi ini tidak pernah atau sedang dihantar untuk memperolehi ijazah dari universiti ini atau mana-mana universiti yang lain.



---


HAIRATUN NASIHIN BINTI HAIRUDDIN

BR10110022

17 JANUARI 2014

**DIPERAKUKAN OLEH**

1. DR. BONAVENTURE BONIFACE  
PENYELIA




DR. BONAVENTURE BONIFACE  
PENSYARAH / PENASIHAT AKADEMIK  
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2. DR. ABDUL RAHIM BIN AWANG  
PEMERIKSA



DR ABDUL RAHIM BIN AWANG  
Pensyarah / Penasihat Akademik  
Sekolah Pertanian Lestari  
Universiti Malaysia Sabah

3. CIK SHAHIDA MOHD SHARIF  
PEMERIKSA



SHAHIDA BINTI MOHD. SHARIF  
LECTURER/ACADEMIC ADVISOR  
SCHOOL OF SUSTAINABLE AGRICULTURE  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

4. DR. SITI RAEHANAH BT MUHAMAD SHALEH  
DEKAN SPL



## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi yang telah mengurniakan rahmat dan pertolonganNya sehingga dapat saya sempurnakan penulisan ilmiah ini dengan jayanya.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Bonaventure Boniface selaku penyelia di atas segala teguran, bimbingan dan nasihat yang diberikan sepanjang saya menyempurnakan tugasani ini.

Ucapan ribuan terima kasih yang paling istimewa saya tujukan kepada ahli keluarga yang tidak putus-putus memberi sokongan, semangat, perhatian, nasihat, tunjuk ajar dan kasih sayang yang tidak ternilai harganya demi menyokong dan memberi kekuatan sama ada secara luaran atau dalaman kepada saya untuk menyempurnakan kajian saya ini. Alhamdulillah, sesungguhnya doa yang tidak putus-putus dan semangat yang kalian berikan telah menjadi sumber kekuatan utama diri ini untuk mencapai kejayaan dalam apa jua yang lapangan yang diceburi.

Segulung penghargaan juga ingin saya berikan kepada seluruh warga Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor terutamanya kepada Tuan Haji Mohd Farid bin Abu selaku Ketua Unit Ladang Kontrak yang telah memberikan kerjasama dan bantuan dari awal proses pengumpulan data sehingga ke akhirnya demi menjayakan kajian ini. Juga kepada Puan Shahida Binti Musa yang bertindak sebagai kakanda, penasihat, pencetus idea dan pembimbing diri ini di kala kekusutan melanda di jiwa, terima kasih yang tidak terhingga diucapkan. Hanya Allah yang mampu membalas segala kebaikan yang telah anda lakukan.

Ribuan terima kasih juga ingin saya sampaikan buat rakan-rakan di Sekolah Pertanian Lestari, Universiti Malaysia Sabah yang sama-sama berjuang, berkongsi suka dan duka serta mewarnai kehidupan sepanjang bergelar pelajar di institusi ini. Tidak lupa juga ucapan penghargaan kepada orang perseorangan yang turut membantu sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penulisan hasil kajian saya ini. Sekali lagi saya ingin memanjatkan doa dan kesyukuran kepada Allah S.W.T., semoga hasil usaha yang disumbangkan ini mendapat berkat dariNya sama ada di dunia ataupun di akhirat. Wassalam.

## **KELESTARIAN PERNIAGAAN NANAS; KAJIAN KES MELIBATKAN PESERTA PROJEK PERLADANGAN KONTRAK DI KLUANG DAN PONTIAN, JOHOR.**

Tanaman buah nanas merupakan salah satu buah-buahan tropika yang sudah tidak asing lagi kepada bukan sahaja penduduk di negara Malaysia, bahkan juga penduduk di seluruh dunia. Dalam masa lebih dari 100 tahun, tanaman buah nanas sudah mampu bertapak dengan stabil dan pengeluarannya di Negara Malaysia yang agak menguntungkan telah menarik minat ramai peserta Projek Perladangan Kontrak khususnya untuk menceburkan diri dalam bidang pengeluaran tanaman ini. Setakat ini, negeri Johor merupakan negeri pengeluar utama tanaman jenis ini dan dua daerah di Negeri Johor yang menguasai jumlah keluasan dan pengeluaran buah nanas ialah daerah Kluang dan Pontian, Johor. Objektif kajian ini adalah 1) Untuk mengetahui latar belakang peserta Projek Perladangan Kontrak Tanaman Nanas di Daerah Kluang dan Pontian, Johor, 2) Untuk mengenal pasti persepsi dan pandangan peserta Projek Perladangan Kontrak Tanaman Nanas di Daerah Kluang dan Pontian, Johor mengenai faktor-faktor yang penglibatan dalam bidang pengeluaran tanaman nanas, dan 3) Untuk mengenal pasti segmentasi demografik peserta Projek Perladangan Kontrak Tanaman Nanas berdasarkan faktor-faktor penglibatan peserta dalam bidang pengeluaran nanas di Daerah Kluang dan Pontian, Johor. Kajian ini akan menggunakan Kaedah Tinjauan Deskriptif. Jumlah respondan yang terlibat di dalam kajian ini adalah seramai 60 orang peserta Projek Perladangan Kontrak Tanaman Nanas iaitu 30 daripadanya adalah respondan dari Daerah Kluang dan 30 respondan lagi adalah dari Daerah Pontian, Johor. Hasil kajian mendapat terdapat lima kumpulan faktor utama yang mempengaruhi penglibatan para peserta dalam Projek Perladangan Kontrak Tanaman Nanas di kedua-dua daerah yang terlibat. Maklumat mengenai segmentasi demografik responden juga telah diketahui melalui Analisis Kluster yang dijalankan. Secara keseluruhannya, Projek Perladangan Kontrak Tanaman Nanas akan mempunyai masa depan yang lebih memberangsangkan sekiranya mendapat perhatian yang lebih daripada beberapa pihak terutamanya dalam memastikan proses jual beli hasil tanaman yang diusahaikan adalah kepada pihak yang betul seperti yang dijanjikan oleh para pengusaha.

## **SUSTAINABILITY OF PINEAPPLE BUSINESS; CASE STUDY OF CONTRACT FARMING PARTICIPANTS IN KLUANG AND PONTIAN DISTRICTS IN JOHORE.**

Pineapple is one of tropical fruits which are well-known not only in Malaysia but also around the world. In 100 years of times, pineapple crops have been well-established and the production in Malaysia which is quite profitable has attracted many participants of Contract Farming Project to plant and produce pineapple fruits. So far, Johore State has becomes a leader in producing this kind of crops and the main districts which contribute to this production are Kluang and Pontian Districts with the most large size of plantation area. The objectives of this study are 1) To know the demographic backgrounds of the participants of Pineapple Crop Contract Farming in Kluang and Pontian Districts in Johore, 2) To determine what are the factors affecting the involvement of participants in Contract Farming Pineapple Crops through their perceptions, and 3) To determine the demographic segmentations of the participants of Contract Farming Pineapple Crops through the factors affecting their involvement in this project in both Districts of Kluang and Pontian, Johore. This study was performed by using Descriptive Survey. A total of 60 respondent was involved in this survey which is 30 respondent of them are from Kluang District whereas the other 30 respondent are from Pontian District in Johore. Based on the result, the study shows that there are five main groups of factors that affecting the involvement of Pineapple Crops Contract Farming Participation in both districts. The informations about the demographic segmentation of the participants of Pineapple Crops Contract Farming also have been determined through Cluster Analysis. Overall, Pineapple Crops Contract Farming will have a better future if more concerns can be given by some organizations so that the process of buying and selling by the pineapple producers who has joined contract farming project can be conducted correctly based on the agreements that has been signed before.

## ISI KANDUNGAN

Kandungan	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
DIPERAKUKAN OLEH	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
ISI KANDUNGAN	vii-ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi-xii
SENARAI SIMBOL, UNIT, SINGKATAN	xiii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Nilai Nutrien Buah Nanas	2
1.3 Konsep Kelestarian Perniagaan Nanas	3
1.4 Halangan Kepada Kelestarian Perniagaan Buah Naga	4
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.6 Objektif Kajian	6
1.7 Penyataan Soalan Kajian	7
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 Senario Industri Buah-buahan Di Malaysia	8
2.1.1 Pengeluaran	9
2.1.2 Potensi Pasaran Buah-buahan Di Malaysia	9
2.2 Perniagaan Nanas Di Malaysia	10
2.2.1 Lokasi	11
2.2.2 Produk-produk Hasil Buah Nanas	11
2.2.3 Ekonomi Pengeluaran Buah Nanas	12
2.3 Perniagaan Nanas di Kluang dan Pontian, Johor	13
2.4 Projek Perladangan Kontrak	13
2.4.1 Peserta Projek Perladangan Kontrak di Daerah Kluang dan Pontian	14
2.4.2 Kebaikan menyertai Projek Perladangan Kontrak	15
2.5 Kesimpulan	
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>	
3.1 Lokasi Kajian	16
3.2 Populasi Kajian	17
3.3 Reka Bentuk Kajian	17
3.4 Borang Kaji Selidik	17
3.4.1 Bahagian A	19
3.4.2 Bahagian B	19
3.4.3 Bahagian C	20
3.4.4 Bahagian D	21
3.5 Pra-ujian Soal Selidik	21
3.6 Kaedah Pengumpulan Data	22
3.7 Analisis Data	22

**BAB 4 KEPUTUSAN**

4.1	Hasil Ujian Kebolehpercayaan	23
4.2	Objektif Pertama: Untuk mengetahui latar belakang peserta Projek Perladangan Kontrak yang mengusahakan tanaman nanas di Daerah Kluang dan Pontian, Johor	24
4.2.1	Bahagian A: Latar belakang demografik	24
4.2.1.1	Jantina	24
4.2.1.2	Umur	25
4.2.1.3	Keturunan	25
4.2.1.4	Crosstab antara komponen keturunan dan pengusaha nanas sebagai pekerjaan utama	25
4.2.1.5	Tahap Pendidikan	26
4.2.2	Bahagian B: Maklumat mengenai perusahaan tanaman nanas	27
4.2.2.1	Crosstab antara komponen keluasan kawasan penanaman nanas dan keuntungan hasil yang diperoleh dalam sebulan	27
4.2.2.2	Crosstab komponen keluasan kawasan penanaman dan prestasi perusahaan nanas berbanding tahun lepas.	28
4.2.2.3	Crosstab komponen ada/tidak pengalaman dalam bidang perusahaan tanaman nanas dan keuntungan hasil yang diperoleh	30
4.2.2.4	Crosstab komponen ada/tidak pengalaman dalam bidang perusahaan tanaman nanas dan komponen prestasi perusahaan nanas berbanding tahun lepas.	30
4.2.2.5	Crosstab komponen berapa tempoh pengalaman dalam bidang perusahaan tanaman nanas dan komponen keuntungan hasil yang diperoleh dalam sebulan	31
4.2.2.6	Crosstab komponen berapa tempoh pengalaman dalam bidang perusahaan tanaman nanas dan komponen kepada siapa hasil tanaman nanas dijual.	32
4.2.2.7	Crosstab komponen berapa tempoh pengalaman dalam bidang perusahaan tanaman nanas dan komponen prestasi perusahaan tanaman nanas berbanding tahun sebelumnya	33
4.2.2.8	Crosstab komponen bilangan pekerja dan komponen keuntungan hasil yang diperoleh dalam sebulan	34
4.2.2.9	Crosstab komponen bilangan pekerja dan komponen prestasi perusahaan nanas berbanding tahun sebelumnya.	35
4.2.3	Bahagian D: Masalah yang dihadapi pengusaha sepanjang menjalankan perusahaan tanaman nanas.	36

4.3	Objektif Kedua: Untuk mengenal pasti faktor-faktor penglibatan peserta Projek Perladangan Kontrak dalam bidang pengeluaran nanas di daerah Kluang dan Pontian, Johor melalui pandangan dan persepsi pengusaha nanas itu sendiri.	40
4.4	Objektif Ketiga: Untuk mengenal pasti ciri-ciri demografik peserta Projek Perladangan Kontrak berdasarkan faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan peserta dalam Projek Perladangan Kontrak Tanaman Nanas di Daerah Kluang dan Pontian di Johor.	41
4.5	Bahagian E: Maklumat Mengenai Projek Perladangan Kontrak	43
<b>BAB 5 PERBINCANGAN</b>		
5.1	Latar Belakang Peserta Projek Perladangan Kontrak Tanaman Nanas	45
5.2	Faktor-faktor Penglibatan Peserta Projek Perladangan Kontrak Dalam Bidang Pengeluaran Tanaman Nanas	50
5.3	Segmentasi demografik peserta Projek Perladangan Kontrak berdasarkan faktor-faktor penglibatan peserta dalam bidang pengeluaran nanas	52
<b>BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>		
6.1	Kesimpulan	54
6.2	Cadangan	55
<b>RUJUKAN LAMPIRAN</b>		57

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
3.1	Peta kedudukan Daerah Kluang	17
3.2	Peta kedudukan Daerah Pontian	17
4.1	Peratus jantina respondan	26
4.2	Peratus umur respondan	27
4.3	Peratus keturunan respondan	28
4.4	Tahap pendidikan respondan	29

## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
1.1 Kandungan proksimat pemakanan nanas	3
2.1 Keluasan kawasan dan jumlah pengeluaran tanaman nanas bagi tahun 2002 hingga tahun 2008	11
3.1 Carta Gantt	24
4.1 Nilai Cronbach's Alpha Mengikut Bahagian	25
4.2 Crosstab antara komponen keturunan dan pengusaha nanas sebagai pekerjaan utama.	28
4.3 Crosstab komponen keluasan kawasan penanaman nanas dan komponen keuntungan hasil yang diperoleh dalam sebulan	30
4.4 Crosstab antara komponen keluasan kawasan penanaman nanas dan prestasi perusahaan tanaman nanas berbanding tahun sebelumnya	32
4.5 Crosstab antara komponen ada/tidak pengalaman dalam bidang perusahaan tanaman nanas dan komponen keuntungan hasil yang diperoleh dalam sebulan	33
4.6 Crosstab antara komponen ada/tidak pengalaman dalam bidang perusahaan tanaman nanas dan komponen prestasi perusahaan nanas berbanding tahun sebelumnya	34
4.7 Crosstab antara komponen tempoh pengalaman dalam bidang perusahaan tanaman nanas dan komponen keuntungan hasil yang diperoleh dalam sebulan	35
4.8 Crosstab antara komponen tempoh pengalaman dalam bidang perusahaan tanaman nanas dan komponen kepada siapa tanaman nanas dijual	37
4.9 Crosstab antara komponen tempoh pengalaman dalam bidang perusahaan tanaman nanas dan komponen prestasi perusahaan tanaman nanas berbanding tahun sebelumnya	38
4.10 Crosstab antara komponen bilangan pekerja dan komponen keuntungan hasil yang diperoleh dalam sebulan	39
4.11 Crosstab antara komponen bilangan pekerja dan komponen prestasi perusahaan nanas berbanding tahun lepas	40

4.12	Analisis deskriptif untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi pengusaha tanaman nanas ketika proses penanaman dan berurus niaga	43
4.13	Analisis faktor-faktor penglibatan pengusaha yang menyertai Projek Perladangan Kontrak dalam bidang pengeluaran nanas di Daerah Kluang dan Pontian di Johor	45
4.14	Item komponen dalam analisis kluster	46
4.15	Ciri demografik respondan dalam analisis kluster	47

## **RUJUKAN SENARAI SIMBOL, UNIT DAN SINGKATAN**

FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
g	gram
ha	Hektar
kcal	kilocalori
LPNM	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
MOA	<i>Ministry of Agriculture</i>
mg	milligram
STS	Sangat Tidak Setuju
TS	Tidak Setuju
TP	Tidak Pasti
S	Setuju
ST	Sangat Setuju

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar Belakang**

Buah nanas atau nama saintifiknya, *Ananas Comosus* (L) Merr. merupakan salah satu buah-buahan tropika yang digemari ramai penduduk dunia (Mohammed, 2002). Buah ini juga dipercayai berasal dari bahagian Timur Amerika Selatan (Abu Kasim *et al.*, 2010). Seiring dengan perkembangan tanaman getah di Malaysia, pada tahun 1921, tanaman nanas juga mula ditanam sebagai tanaman kontan di Singapura, Johor dan Selangor. Tanaman nanas terus berkembang dan diusahakan secara perladangan di kawasan tanah gambut terutamanya di Johor (Abu Kasim *et al.*, 2010). Nama tempatan bagi buah nanas berbeza mengikut kawasan atau negara ia ditanam. Bangsa Melayu memanggilnya lanas atau nenas di samping panggilan biasanya nanas. Orang Arab memanggilnya Ananas manakala orang Cina memanggilnya 'ong lai' dan mengaitkannya dengan tuah atau kebaikan yang mendatang (Mohammed, 2002). Buah ini dikenali di seluruh dunia kerana rasanya yang sangat lazat yang sering digambarkan sebagai campuran rasa dari buah epal, strawberi dan limau (Bambang, 2012). Tanaman ini sudah tidak asing lagi bagi masyarakat dunia dan banyak negara-negara luar selain Malaysia yang sudah menjadi pengeluar kepada tanaman buah ini. Antara negara –negara yang menjadi pengeluar nanas yang utama di dunia ialah Thailand, Filipina, Hawai, Ivory Coast, Kenya, Afrika Selatan, Brazil, Taiwan, Australia, India dan Indonesia (Mohammed, 2002).

Terdapat pelbagai varieti buah nanas yang telah ditanam di Malaysia dan antara varieti yang disyorkan ialah nanas jenis Mospine, Sarawak, Gandul, Mauritius (Moris), N36 dan Josapine (Abu Kasim *et al.*, 2010). Walau bagaimanapun, antara enam jenis varieti yang dinyatakan ini, hanya dua jenis sahaja yang berjaya

menembusi pasaran eksport kerana mempunyai daya ketahanan yang tinggi iaitu variety Josapine dan N36 (Abu Kasim *et al.*, 2010).

## **1.2 Nilai Nutrien Buah Nanas**

Buah nanas mengandungi hampir semua zat makanan yang diperlukan oleh tubuh badan dan mempunyai pelbagai kegunaan dalam kehidupan sehari-hari. Selain mengandungi zat makanan yang lengkap dan tinggi nilainya, buah nanas juga mempunyai zat-zat lain yang boleh membantu dalam menyembuhkan pelbagai jenis penyakit. Antaranya ialah protein, lemak, karbohidrat, kalsium, fosfor, serat, besi dan sebagainya. Fungsi zat-zat ini adalah: (1)untuk menghasilkan tenaga; (2)meningkatkan proses metabolisme tubuh, misalnya proses pencernaan makanan, pernafasan dan lain-lain; (3) membantu memperbaiki sel-sel yang telah rosak dan pembinaan otot-otot dalam tubuh badan; (4)membantu dalam pembentukan tulang, gigi, dan sel darah merah; (5) menjaga kesihatan mata; (6)mencegah penyakit gusi berdarah, radang atau luka-luka di mulut; (7)mencegah penyakit beri-beri, radang saraf, lemah-lemah otot, dermatitis, bibir menjadi merah ataupun radang lidah (Bambang, 2012).

Kandungan zat-zat yang berkhasiat seperti dekstrosa, laevulose, manit, sacharosa, asam organik dan bromelin yang terdapat di dalam buah nanas juga boleh membantu menyembuhkan gangguan-gangguan dalam proses pencernaan makanan, menyembuhkan arthritis, sembelit, infeksi saluran pernafasan dan melarutkan lemak dalam saluran pencernaan makanan sehingga dicernakan oleh tubuh badan melalui proses penyingkiran bahan buangan. Bromelin yang terkandung dalam nanas juga boleh digunakan sebagai bahan untuk perencah bagi melembutkan daging pada masakan sate contohnya. Minuman sari nanas segar dicampur dengan sedikit lada dan garam dapat mengubati rasa mual-mual, selesema, gatal-gatal, dan kudia. Buah nanas juga sangat sesuai dimakan oleh penghidap penyakit diabetes kerana buah mengandungi rendah kalori (Bambang, 2012). Kandungan zat makanan bagi setiap 100 gram buah nanas yang boleh dimakan adalah seperti berikut:

Jadual 1.1: Kandungan proksimat pemakanan nanas

Kandungan	Bahagian boleh dimakan setiap 100g
Tenaga	45.0 kcal
Air	87.8 g
Protein	0.5 g
Lemak	0.1 g
Karbohidrat	10.8 g
Serabut	0.6 g
Abu	0.4 g
Kalsium	24.0 mg
Fosforus	6.0 mg
Besi	1.4 mg
Natrium	31.0 g
Kalium	97.0 mg
Beta-karoten	270.0 µg
Vitamin B1	0.1 mg
Vitamin B2	0.1 mg
Niasin	0.1 mg
Vitamin C	15.2 mg

(Sumber: M. Mohammed, 2002)

### 1.3 Konsep Kelestarian Perniagaan Buah Nanas

Kelestarian perniagaan buah nanas amat bergantung kepada jenis pertanian yang diamalkan oleh sesorang pengusaha buah nanas itu. Sekiranya pengusaha buah nanas tersebut mengamalkan konsep pertanian lestari, maka secara tidak langsung, akan menjamin kelestarian perniagaan dan pasaran buah nanas tersebut. Pertanian lestari boleh didefinisikan sebagai suatu jenis pertanian yang bertujuan untuk menemukan keperluan makanan dan bahan mentah kepada generasi yang sedia ada tanpa membahayakan sumber asas tersebut demi keperluan generasi masa depan (Panda, 2010). Perniagaan lestari pula boleh didefinisikan sebagai suatu jenis perniagaan yang bertujuan untuk memenuhi keperluan pengguna tanpa menyalah gunakan bahan mentah dan sumber asas sedia ada demi memastikan kelangsungan bahan dan sumber tersebut supaya ianya boleh digunakan oleh generasi seterusnya. Dalam konteks perniagaan buah nanas pula, perniagaan lestari boleh diertikan sebagai suatu

jenis perniagaan atau perusahaan yang melibatkan tanaman buah nanas untuk memenuhi keperluan zat makanan yang diperlukan oleh tubuh badan dengan menggunakan sumber dan bahan mentah sedia ada seperti baja dan sebagainya dengan sebaiknya bagi mengelakkan kesan buruk ke atas persekitaran mahupun hidupan yang berada di sekeliling kawasan perusahaan tanaman nanas tersebut.

Selain daripada mengamalkan jenis pertanian yang baik, kelestarian perniagaan buah nanas juga boleh dipengaruhi oleh umur dan tahap pendidikan pengusaha buah nanas itu sendiri (D'Souza, 1993). Tahap pendidikan juga dijangka menjadi positif dan signifikan sekiranya dikaitkan dengan penggunaan teknologi yang mampan. Hal ini bermakna, tahap pendidikan pengusaha sememangnya memberi kesan kepada penerapan kaedah pertanian lestari di sesuatu kawasan. Faktor umur juga amat diambil kira kerana kebanyakan pengusaha ladang yang berumur lebih muda lebih cenderung untuk mengadaptasikan penggunaan teknologi-teknologi baru yang lebih mesra alam dan selamat digunakan (D'Souza, 1993).

Kadang kala, saiz ladang buah nanas juga boleh menjadi faktor yang mempengaruhi kelestarian perniagaan buah nanas. Saiz ladang akan menentukan sama ada konsep pertanian lestari akan diamalkan dan diadaptasikan ataupun tidak di sesuatu kawasan penanaman itu. Hal ini kerana, semakin besar saiz ladang, semakin banyak tenaga buruh yang diperlukan untuk mengusahakan kawasan ladang tersebut sekiranya konsep pertanian lestari ditekankan oleh pengusaha ladang. Perkara ini secara tidak langsung akan meningkatkan kos pengeluaran dan mengurangkan keuntungan yang diperoleh oleh pengusaha-pengusaha buah nanas (D'Souza, 1993).

#### **1.4 Halangan Kepada Kelestarian Perniagaan Buah Nanas**

Walaupun, buah nanas adalah salah satu buah tropika yang telah mendapat tempat di hati semua penduduk dunia, kelestarian perniagaan atau perusahaan tanaman buah nanas ini juga mempunyai halangan-halangan tertentu yang boleh membawa kepada ketidaklestarian perniagaan. Hal ini kerana, pada umumnya, pengeluaran nanas di Malaysia melebihi penggunaan dalam Negara atau tahap sara diri. Oleh yang demikian,

hal ini pasti akan memberi kebimbangan sekiranya kilang-kilang untuk memproses tanaman buah nanas tidak dibangunkan sejajar dengan pengeluaran tanaman buah nanas yang melebihi penggunaan ini. Sekiranya terdapat banyak kilang-kilang untuk memproses hasil tanaman nenas ini, buah-buah nanas yang berlebihan boleh diproses dan ditambah nilai supaya memberi lebih keuntungan dan mengurangkan kerugian sekiranya berlaku lambakan. Sekiranya masalah ini dapat diatasi sudah pasti ia tidak akan menjadi faktor penghalang kepada kelestarian perniagaan nanas di kawasan lokasi kajian iaitu di Daerah Kluang dan Pontian, Johor.

Selain itu, masalah harga yang ditetapkan oleh orang tengah juga merupakan satu bebanan kepada pengusaha ataupun pengeluar sehingga menyebabkan perniagaan buah nanas yang mereka jalankan tidak dapat bertahan lama sekali gus menjelaskan kelestarian perniagaan buah nanas. Ada dinyatakan di dalam akhbar Utusan Online keluaran tahun 2013, seorang pengusaha sayur-sayuran seperti terung, timun dan kacang panjang terpaksa gulung tikar apabila perniagaannya mengalami masalah harga oleh orang tengah sehingga menyebabkannya menjadi mangsa perniagaan. Hal ini membuktikan masalah harga tanaman yang disebabkan oleh orang tengah sememangnya mampu menjadi halangan kepada kelestarian perniagaan termasuklah tanaman buah nanas.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini dijangka akan dapat membantu banyak pihak memandangkan kajian seperti ini belum pernah dilakukan oleh mana-mana pihak atau individu bagi mengkaji faktor-faktor penglibatan peserta Projek Perladangan Kontrak Tanaman Nanas di Daerah Kluang dan Pontian, Johor. Oleh yang demikian ia menjadi salah satu motivasi bagi memastikan bagaimana sesuatu perniagaan nanas itu boleh berlaku dengan berterusan. Faktor-faktor penglibatan peserta ladang kontrak yang dikaji ini juga diharapkan mampu untuk dijadikan sebagai rujukan oleh mana-mana agen pengembangan dan pengusaha-pengusaha tanaman buah nanas dalam mengekalkan kelestarian perniagaan mereka. Maklumat yang diperoleh daripada kajian ini juga boleh digunakan sebagai panduan dalam menggubal sesuatu program latihan khususnya yang melibatkan para pengusaha yang baru ingin menceburkan diri dalam

bidang penanaman buah nanas ini selepas menjadi peserta Projek Perladangan Kontrak.

Diharapkan juga hasil-hasil penemuan dari kajian ini kelak akan dapat digunakan oleh pihak-pihak berkenaan dalam mewujudkan para pengusaha dan pembeli buah nanas yang dapat menjalankan kegiatan perniagaan yang bukan sahaja menguntungkan tetapi juga memuaskan hati banyak pihak. Hal ini adalah kerana di dalam kajian ini akan dikenal pasti apakah kriteria-kriteria dan garis panduan yang diinginkan oleh pengusaha sebelum sesuatu perniagaan atau penjualan tanaman itu dilakukan. Hal ini pasti bukan sahaja dapat membantu dalam menjamin kelestarian perniagaan nanas, bahkan juga menjamin kualiti dan harga buah yang diperdagangkan. Akhir sekali, kepentingan kajian ini adalah untuk membantu meningkatkan taraf ekonomi, produktiviti, dan keberkesanan para pengusaha tanaman buah nanas yang menyertai Projek Perladangan Kontrak yang tinggal di Daerah Kluang dan Pontian, Johor ini sekali gus pada keseluruhannya akan dapat membantu dalam menstabilkan ekonomi negara dalam bidang pertanian.

## **1.6 Objektif Kajian**

Kajian yang akan dijalankan ini mempunyai tiga objektif yang utama iaitu;

1. Untuk mengetahui latar belakang para peserta Projek Perladangan Kontrak Tanaman Nanas di Daerah Kluang dan Pontian, Johor.
2. Untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan peserta Projek Perladangan Kontrak dalam bidang pengeluaran nanas di Daerah Kluang dan Pontian, Johor melalui pandangan dan persepsi peserta itu sendiri.
3. Untuk mengenal pasti segmentasi demografik para peserta Projek Perladangan Kontrak berdasarkan faktor-faktor penglibatan mereka di dalam Projek Perladangan Kontrak Tanaman Nanas di kedua-dua daerah iaitu Kluang dan Pontian, Johor.

## **1.7 Penyataan Soalan Kajian**

Dalam kajian ini, tiga soalan kajian yang akan diberi penekanan ialah;

1. Apakah latar belakang para peserta Projek Perladangan Kontrak Tanaman Nanas di Daerah Kluang dan Pontian, Johor?
2. Adakah faktor minat yang mendalam yang mempengaruhi penglibatan para peserta Projek Perladangan Kontrak dalam bidang pengeluaran nanas di Daerah Kluang dan Pontian, Johor atau adakah faktor-faktor lain yang terlibat?
3. Apakah ciri-ciri demografik para peserta Projek Perladangan Kontrak yang boleh diketahui berdasarkan daripada faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan para peserta Projek Perladangan Kontrak dalam bidang pengeluaran nanas di Daerah Kluang dan Pontian, Johor?

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Senario Industri Buah-buahan Di Malaysia

Negara Malaysia yang terletak di kawasan iklim khatulistiwa yang menerima hujan dan panas sepanjang tahun adalah salah satu faktor yang membawa kepada kestabilan iklim dan cuaca di Malaysia. Iklim yang stabil dan selesa ini menyebabkan pelbagai jenis pokok buah-buahan tropika dapat ditanam dan dibiakkan di negara ini. Penanaman buah-buahan tropika sememangnya memerlukan cuaca yang panas dan lembap supaya pengeluaran hasil adalah lumayan dan boleh menguntungkan. Pada umumnya, buah-buahan di Malaysia boleh dikategorikan kepada dua kumpulan iaitu buah-buahan bermusim dan buah-buahan tidak bermusim (Abu Kasim *et al.*, 2010). Antara contoh buah-buahan bermusim adalah seperti durian, rambutan, mangga dan sebagainya. Manakala, contoh buah-buahan yang tidak bermusim ialah buah naga, betik, belimbing dan lain-lain. Buah nanas adalah contoh jenis tanaman buah-buahan yang tidak bermusim.

Sebahagian besar tanaman buah-buahan di Malaysia diusahakan secara kecil-kecilan dan sebagai tanaman sampingan di dusun (Abu Kasim *et al.*, 2010). Menurut MARDI lagi, petani biasanya menanam buah-buahan sebagai aktiviti sampingan dan menguruskannya secara tradisional. Hanya sebahagian kecil sahaja tanaman buah-buahan yang diusahakan secara komersial dan ini tertumpu kepada jenis tanaman tertentu seperti nanas, betik dan durian (Abu Kasim *et al.*, 2010). Kebiasannya, perusahaan buah-buahan secara komersial memerlukan pengurusan yang sistematis serta amalan pertanian baik dan lestari seiring dengan penggunaan teknologi-teknologi yang moden. Penggunaan bahan-bahan yang mesra alam untuk proses tumbesaran juga dapat membantu meningkatkan kualiti tanaman buah-buahan yang ditanam

secara komersial selain daripada mengurangkan kesan buruk kepada persekitaran dan hidupan sekeliling.

### **2.1.1 Pengeluaran**

Di Malaysia, kawasan pengeluaran utama buah-buahan tertumpu di kawasan Semenanjung Malaysia manakala Sabah dan Sarawak dianggarkan hanya menyumbang sekitar 10 hingga 15 peratus daripada luas keseluruhan tanaman buah-buahan Malaysia (Abu Kasim *et al.*, 2010). Menurutnya lagi, kawasan penanaman buah-buahan bagaimanapun telah merosot dengan begitu ketara daripada seluas 315,000 hektar pada tahun 2000 kepada 269,000 hektar pada tahun 2008 apabila terpaksa bersaing untuk mendapatkan tanah pertanian dengan sektor-sektor yang lain seperti perindustrian dan perumahan. Bermula pada tahun 2000, walaupun keluasan kawasan untuk tanaman buah-buahan semakin menurun setiap tahun, namun pengeluaran buah-buahan di Malaysia telah meningkat dengan ketara akibat daripada peningkatan produktiviti bagi setiap hektar di samping pertambahan keluasan kawasan berhasil (Abu Kasim *et al.*, 2010).

Kecekapan pengurusan ladang dan penggunaan benih yang berkualiti merupakan antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan produktiviti tanaman buah-buahan di Malaysia. Selain itu, penekanan yang diberi kerajaan untuk membangunkan industri buah-buahan negara telah menunjukkan kesan positif kepada sektor buah-buahan negara (Abu Kasim *et al.*, 2010). Pembangunan kawasan baru untuk tanaman buah-buahan ditambah dengan pembangunan infrastruktur dan kemudahan yang merupakan insentif kepada pelaburan dalam industri buah-buahan negara juga merupakan faktor berlakunya peningkatan dalam produktiviti tanaman buah-buahan. Faktor lain yang menyokong supaya berlakunya peningkatan produktiviti ini juga adalah faktor penggunaan varieti baru yang lebih produktif, sistem pengeluaran dan pengendalian lepas tuai yang lebih cekap (Abu Kasim *et al.*, 2010).

### **2.1.2 Potensi Pasaran Buah-buahan Di Malaysia**

Pasaran industri buah-buahan tropika di Malaysia dijangka akan terus meningkat dan berkembang pesat seiring dengan industri-industri lain di negara ini. Permintaan di

dalam dan di luar negara juga menunjukkan trend peningkatan yang berterusan kesan daripada kesedaran masyarakat tentang kebaikan buah-buahan sebagai sumber pemakanan asli dan perubahan gaya hidup masyarakat yang mementingkan kesihatan (Abu Kasim *et al.*, 2010). Trend mengimport buah-buahan tropika ini dijangka akan terus meningkat kerana proses pengendalian lepas tuai yang lebih cekap, kos pengangkutan yang lebih murah dan tempoh hayat buah yang lebih panjang. Permintaan yang tinggi daripada seluruh negara juga merupakan peluang pasaran bagi buah-buahan tropika (Abu Kasim *et al.*, 2010). Perubahan pemikiran masyarakat kesan pertambahan kawasan bandar adalah faktor berlakunya peningkatan permintaan dalam buah-buahan yang segar dan diproses. Kesedaran pengguna mengenai penjagaan kesihatan juga membantu dalam meningkatkan permintaan penggunaan buah-buahan kerana buah-buahan dapat memberi nutrient tambahan yang baik untuk kesihatan tubuh badan sekiranya dimakan.

## 2.2 Perniagaan Buah Nanas Di Malaysia

Penghasilan dan pengeluaran buah nanas di Malaysia sudah tidak menjadi suatu perkara yang asing lagi pada ketika ini semenjak ia diperkenalkan sebagai tanaman kontan pada tahun 1921 dan kini nanas merupakan tanaman industri yang tertua melebihi 100 tahun. Tanaman ini dapat memberikan pendapatan yang lumayan lebih-lebih lagi dengan adanya usaha penanaman dengan kepadatan yang tinggi dan penggunaan kultivar yang dapat memberikan hasil yang stabil dan tahan terhadap penyakit seperti baka Gandul untuk tujuan pengetinan dan Moris untuk makan segar (Mohammed, 2002).

Penanaman nanas diusahakan sebagai tanaman tunggal atau secara tanaman selingan dengan getah, kelapa sawit dan kelapa. Sebahagian besar tanaman tunggal diusahakan oleh pihak estet untuk tujuan pengetinan manakala sebahagian besar tanaman selingan adalah untuk tujuan makan segar dan diusahakan oleh petani atau pekebun kecil. Sumbangan industri nanas terhadap negara agak kecil tetapi penting dari segi sosio-ekonomi (Mohammed, 2002). Bagi tempoh 2000 hingga 2010, FAMA menganggarkan peningkatan penggunaan tahunan bagi sektor perkilangan dan institusi ialah 15 peratus manakala bagi sektor isi rumah trend peningkatannya ialah 3 peratus. Kedua-dua peningkatan ini akan membantu dalam meningkatkan trend permintaan nanas di dalam negara (Abu Kasim *et al.*, 2010).

## Rujukan

- Abu Kasim, A., Rozhan, A. D., Noorlidawati, A. H., Mohd Hafizudin, Z., Normah, A. M., Rawaida, R., Chubashini, S., Ahmad Zairy, Z. A., Noor Auni, H. dan Mohd. Akmal, Z. 2010. (Eds. 1). *Potensi dan Strategi Pemasaran Buah-buahan Tempatan*. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
- Anim Agro Technology. 2010. *Teknologi Tanaman Nenas*. Diakses dari [animhosnan.blogspot.com](http://animhosnan.blogspot.com) pada 1 November 2013.
- Arunachalam, R. and Netaji Seetharaman, R., 2004. *Sustainable Agriculture: Indigenous Practice for Natural Resources Management*. Jodhpur: Agrobios (India)
- Bambang, I. C. 2012. *Buku Terlengkap Budidaya Nenas Secara Komersial*. Jakarta. Pustaka Mina.
- Chester, A. W. 1950. *Studies on the Control of the Pineapple Disease of Sugar Cane Caused by Ceratostemella paradoxa (de Seynes) Dade*. University of Minnesota.
- Claudia Auer. 1997. Water Availability And Chemical Water Quality As Important Factors For Sustainable Wildlife Management In The Etosha National Park And For Domestic In Farming Areas of Namibia. *Directorate of Environmental Affairs* **26**: 1-28
- Department of Health and Ageing. 2008. *The Biology of Ananas comosus var. comosus (Pineapple)*. Australian Government. Office of the Gene Technology Regulator.
- Ezrin Tasnim, A., G. 2010. *Pineapple Distribution Classification Using RGB and FUZZY*. Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Universiti Malaysia Pahang.
- Gerard D'Souza, Douglas, C., and Tim, P. 1993. Factors Affecting the Adoption of Sustainable Agricultural Practices. *Scientific article* **2369**: 160-165
- Govinden, N. 2006. Alternative Crops For Small-scale Cane Growers: Two Case Studies. *Mauritius Sugar Industry Research Institute Occasional Paper* **39**: 1-9
- Jabatan Pertanian Perak. 2013. *Panduan Menanam Nanas (Tanaman Jangka Pendek dan Sederhana)*. Diakses dari [www.pertanianperak.gov.my](http://www.pertanianperak.gov.my) pada 1 November 2013.
- Jabatan Penerangan Malaysia. 2013. *Ladang Kontrak FAMA*. Diakses dari [pmr.penerangan.gov.my](http://pmr.penerangan.gov.my) pada 1 November 2013.
- Marita, C., and Davis, UC. 2014. Pineapple: Recommendations for Maintaining Postharvest Quality. Department of Plant Sciences, University of California.
- Mohammed, M. S. 2002. *Penanaman Nanas: Nanas Makan Segar dan Nanas Kaleng*. Kuala Lumpur. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).
- Mohd. Razi, I. 2006. *Pertanian Lestari*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Naqvi, S. A. M. H. 2004. *Diseases of Fruits and Vegetables: Diagnosis and Management*. Kluwer Academic Publishers. The Netherlands.

New Guyana Marketing Corporation. 2014. *Pineapple Postharvest Handling and Market Preparation Information Sheet*.

Panda, S. C. 2010. (Eds. 1). *Sustainable Food and Nutrition Security in National Economy*. Jodhpur: Agrobios (India)

Peta Daerah Kluang, Johor. Diakses dari <http://maps.google.com> pada 1 November 2013.

Peta Daerah Pontian, Johor. Diakses dari <http://maps.google.com> pada 1 November 2013.

Robert, E. P., and Ching, C. C. 2014. *Pineapple*. Department of Plant and Soil Sciences. University of Hawaii at Manoa.

Singh, S. S. and Rajesh, S. 2008. (Eds. 1). *Sustainable Agriculture for Secured Survival*. New Delhi: Kalyani Publishers

Samar, K. B. and Rupnarayan, S. 2012. (Eds. 1). *Environmental Threat Resource Depletion and Sustainable Development*. Jaipur: Aavishkar Publishers

Thuaibah, A. B., Azlah, M. A., Rozeyta, O., Hishamuddin, M. S. dan Syaharizatul Noorizwan, M. 2007. *Satu Kajian Pembangunan Sumber Manusia*. Universiti Teknologi Malaysia

Tim, J. O., Wong, L. S., Ko, H. L., and Smith, M. K. 2003. *Morphological Characteristics of Genetically-Modified Pineapple Fruit*. Australasian Postharvest Horticulture Conference. Maroochy Research Station, Australia.

Van den Ban.AW dan Hawkins, H. S. 1999. *Penyuluhan Pertanian*. Yogyakarta: Kanisius

Wijesinghe, W. A. J. P., and Sarananda, K. H. 2002. *Postharvest Quality of 'Mauritius' Pineapple and Reasons For Reduced Quality*. Food Research Unit. Department of Agriculture. Peradeniya.